KAMARUL FARKARUDDIN MOHAMED A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
KAMARDIN HASHIM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 41S(A)-78-09-2011]
10 JULAI 2013

PROSEDUR JENAYAH: *Ekshibit - Pemeriksaan oleh pakar - Laporan ujian pengesanan dadah dalam air kencing - Keputusan menunjukkan kandungan amphetamine dan methamphetamine - Kegagalan menyatakan amphetamine dan methamphetamine adalah dadah berbahaya yang tersenarai dalam Bahagian III dan IV Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya - Sama ada menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan* C D

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 15(1)(a) - Kesalahan memasukkan dadah berbahaya ke dalam tubuh badan - Ujian saringan air kencing didapati positif dadah - Sama ada peruntukan s. 31A(1A) dipatuhi - Sama ada tertuduh ditangkap sebelum memberikan sampel air kencing - Sama ada pegawai sains yang membuat pemeriksaan dan ujian pengesanan dadah berkelayakan - Sama ada kegagalan mematuhi s. 31A(1A) memudaratkan kes pendakwaan - Kanun Tatacara Jenayah, s. 399* E F

KETERANGAN: *Terima masuk - Laporan kimia - Laporan ujian pengesanan dadah dalam air kencing - Sama ada disediakan oleh seorang yang berkelayakan di bawah s. 31A Akta Dadah Berbahaya - Sama ada laporan boleh diterima - Kanun Tatacara Jenayah, s. 399* G

Perayu, seorang pegawai dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia, bersama lima rakan sekerjanya, telah diminta menjalani ujian saringan air kencing di bawah s. 31A(1A) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Ujian air kencing perayu didapati positif. Oleh itu, perayu dituduh di Mahkamah Majistret dengan satu H pertuduhan memasukkan dadah berbahaya jenis amphetamine dan methamphetamine ke dalam tubuh badannya sendiri, satu kesalahan di bawah s. 15(1)(a) ADB. Di akhir perbicaraan, perayu didapati bersalah dan atas sabitan, dikenakan hukuman denda dan diperintahkan menjalani pengawasan mandatori oleh Pegawai I Pemulihan Dadah. Oleh itu, rayuan ini. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh perayu, antara lain, adalah bahawa: (i) terdapat ketidakpatuhan peruntukan s. 31A(1A) ADB kerana perayu bukan

A seorang yang telah ditangkap sebelum pemeriksaan dan ujian terhadap sampel air kencing perayu dilakukan dan oleh itu, anggapan bahawa perayu telah memasukkan dadah berbahaya ke dalam badannya sendiri di bawah s. 37(k) ADB tidak terpakai; (ii) penama yang mengeluarkan Laporan Ujian Pengesanan Dadah B Dalam Air Kencing ('P12') dan mengesahkan kandungan amphetamine dan methamphetamine dalam sampel air kencing perayu bukan seorang yang berkelayakan bagi maksud penerimaan di bawah s. 399 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); (iii) P12 tidak menyatakan bahawa amphetamine dan methamphetamine yang C ditemui dalam sampel air kencing perayu adalah sejenis dadah berbahaya seperti yang tersenarai dalam Bahagian III dan IV Jadual Pertama kepada ADB; dan (iv) wujud lompang dan rantaian keterangan kes pihak pendakwaan telah terputus atas kegagalan memanggil lima suspek lain yang telah diarahkan menjalani ujian D saringan air kencing bersama-sama perayu.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan sabitan dan hukuman denda):

E **(1)** Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan seseorang dan mengambil "cognisance" sesuatu kesalahan yang berlaku tanpa menghiraukan bagaimana orang itu telah berada di bawah bidang kuasa mahkamah itu. Perayu, bersama lima rakan sekerjanya, atas arahan pegawai atasan, telah memberikan F sampel air kencing di satu kawasan terhad dan terlindung iaitu di Bilik Taklimat Kem Komandan Pulapol. Dalam keadaan pergerakan perayu yang terhad, perayu adalah secara konstruktif, dalam keadaan telah ditangkap walaupun tidak secara fizikalnya ditangkap dan digari. (perenggan 9)

G **(2)** Seksyen 31A(1A) ADB merupakan peruntukan berkaitan dengan prosedur atau satu "empowering provision" berbanding dengan peruntukan s. 15(1)(a) yang merupakan peruntukan berbentuk substantif. Kegagalan mematuhi s. 31A(1A) ADB langsung tidak memudaratkan kes pihak pendakwaan terhadap H perayu. Peruntukan s. 31A(1A) ADB hendaklah diberikan tafsiran yang lebih meluas dengan membawa maksud orang yang ditangkap meliputi orang yang ditangkap selepas ujian saringan mendapati air kencing orang itu positif mengandungi dadah berbahaya sepertimana yang berlaku terhadap perayu I dalam kes ini. Jelas bahawa perayu telah ditangkap sebelum air kencingnya diperiksa dan disahkan secara konklusif oleh pegawai sains sebagai mengandungi dadah berbahaya. (perenggan 9 & 10)

(3) Pada setiap masa pengambilan sampel air kencing, penglabelan dan serahan sampel air kencing tersebut, perayu telah dikawal oleh seorang anggota polis. Keterangan saksi-saksi pendakwaan tidak menunjukkan terdapat lompang atau terputusnya rantaian keterangan kes pihak pendakwaan terhadap barang kes. Pihak pendakwaan telah memanggil kesemua saksi-saksi penting dalam kes terhadap perayu dan berjaya membentangkan naratif kes pendakwaan melalui keterangan saksi-saksi tersebut. Oleh demikian, hujahan bahawa wujud lompang dan rantaian keterangan kes pihak pendakwaan telah terputus atas kegagalan memanggil lima suspek lain adalah tidak berasas dan tidak dapat diterima. (perenggan 15)

(4) Pemeriksaan dan ujian pengesanan dadah dalam air kencing perayu dilakukan oleh Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi ('Muhammad Nubli'), seorang pegawai sains (ahli kimia hayat), Makmal Dadah dan Penyelidikan, Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur. Muhammad Nubli bukan seorang pegawai perubatan, bukan juga seorang ahli kimia dan tidak bertindak sebagai membantu dan diawasi oleh seorang pegawai perubatan atau oleh seorang ahli kimia. Oleh itu, Muhammad Nubli bukan seorang yang berkelayakan bagi maksud s. 31A ADB. Dengan itu, laporan yang disediakan olehnya tidak boleh diterima di bawah s. 399(1) KTJ kerana penama tidak tergolong di bawah orang-orang di bawah s. 399(2) KTJ. (perenggan 25)

(5) Ahli kimia, dalam laporannya, hendaklah menyatakan dengan tepat bahan dadah berbahaya seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Laporan dalam P12 hanya menyatakan bahawa keputusan ujian menunjukkan ada mengandungi amphetamine dan methamphetamine tetapi tidak menyatakan bahawa kedua-duanya adalah dadah berbahaya yang tersenarai di bawah Bahagian III dan IV Jadual Pertama ADB. Oleh demikian, ini telah menimbulkan keraguan dan munafaat keraguan tersebut hendaklah sentiasa diberikan kepada tertuduh iaitu perayu dalam kes ini. (perenggan 30 & 31)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Jalil Abdul Satar v. PP [1991] 2 CLJ 1089; [1991] 1 CLJ (Rep) 1 SC ***(dibezakan)***

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***

A *Alcontara Ambross Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC* ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Hairie Mahthinem v. PP [2011] 8 CLJ 625 CA ***(dirujuk)***
Ho Kiat Swee v. Rex [1946] 1 LNS 6 HC ***(diikuti)***
Kuruma v. R [1955] AC 197 ***(dirujuk)***
B *Loo Keck Leong v. PP [1992] 3 CLJ 1332; [1992] 1 CLJ (Rep) 195 SC* ***(diikuti)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
C *PP v. Mahathir Muhammad [2013] 2 CLJ 50 CA* ***(dibezakan)***
PP v. Mohamad Rasid Jusoh [2009] 9 CLJ 557 HC ***(dibezakan)***
Rasahiman Rasul lwn. PP [2011] 6 CLJ 743 CA ***(dirujuk)***
Saminathan v. PP [1936] 1 LNS 65 HC ***(dirujuk)***
Shukri Mohamad v. PP [1995] 3 CLJ 799 SC ***(diikuti)***
D *Sia Pang Liong v. PP [2012] 9 CLJ 848 FC* ***(dibezakan)***
Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC ***(dibezakan)***
Zulkifli Md Rodzi v. PP [2013] 4 CLJ 250 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 50(2)
E Criminal Procedure Code, s. 399(1), (2)(f)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 15(1)(a), 31A(1), (1A), (2), 37(k), 38B(1)
Evidence Act 1950, s. 114(g)

Bagi pihak perayu - M Athimulan (K Rajoo bersamanya); T/n Athimulan & Co
F *Bagi pihak responden - Jean Sharmila Jesudason; TPR*

Dilaporkan oleh S Barathi

G

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan Tuan Majistret yang
H menyabitkan perayu dengan satu pertuduhan memasukkan dadah berbahaya iaitu dadah berbahaya jenis amphetamine dan methamphetamine ke dalam tubuh badannya sendiri, satu kesalahan di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB").

I

[2] Butir-butir pertuduhan terhadap perayu dibaca seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25.1.2010 jam lebih kurang antara 10.30 pagi hingga 1.20 tengah hari di bilik Taklimat Cawangan Kem Komandan, Pulapol, Kuala Lumpur, dalam daerah Sentul di dalam bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah didapati memberi kepada diri sendiri dadah berbahaya ke dalam badan kamu sendiri iaitu dadah jenis Methamphetamine dan Amphetamine. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[3] Perayu mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan tersebut yang dibacakan kepada beliau dan meminta untuk dibicarakan.

[4] Seramai lapan orang saksi telah dipanggil memberi keterangan bagi membentangkan kes pihak pendakwaan dan hanya perayu memberi keterangan bagi kes pihak pembelaan. Di akhir perbicaraan, Tuan Majistret telah mendapati perayu bersalah dan atas sabitan, telah mengenakan hukuman denda RM5,000 jika gagal enam bulan penjara ke atas perayu. Perayu turut diperintahkan untuk menjalani mandatori pengawasan oleh pegawai pemulihan dadah di bawah s. 38B(1) ADB.

[5] Di hadapan mahkamah ini, peguambela terpelajar bagi perayu telah mengemukakan tujuh alasan mengapa rayuan perayu harus dibenarkan. Alasan-alasan tersebut secara ringkasnya adalah seperti berikut:

(a) Terdapat ketidakpatuhan kepada peruntukan di bawah s. 31A(1A) ADB oleh kerana perayu bukanlah seorang yang telah ditangkap sebelum pemeriksaan dan ujian terhadap sampel air kencing perayu telah dilakukan. Oleh itu anggapan bahawa perayu telah memasukkan dadah berbahaya ke dalam badannya sendiri di bawah s. 37(k) ADB adalah tidak boleh terpakai;

(b) Laporan P12 yang mengesahkan kandungan methamphetamine dan amphetamine di dalam sampel air kencing perayu telah dikeluarkan oleh En Muhammad Nubli b Mohd Shuhaimi, seorang pegawai sains dari Makmal Dadah dan Penyelidikan, Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur. Penama itu bukanlah seorang ahli kimia kerajaan yang berkelayakan untuk

A mengeluarkan laporan ujian pengesanan dadah dalam air kencing (P12) bagi maksud penerimaan di bawah s. 399 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ');

(c) Sekiranya P12 diterima oleh mahkamah, ianya telah gagal
B untuk membuktikan kes secara *prima facie* oleh kerana laporan itu tidak menyatakan bahawa methamphetamine dan amphetamine yang ditemui di dalam sampel air kencing perayu adalah sejenis dadah berbahaya seperti yang tersenarai di Bahagian III dan IV di bawah Jadual Pertama kepada ADB;

C (d) Tiada keterangan kukuh atau keterangan mengikut keadaan yang dapat menunjukkan bahawa perayu telah memasukkan dadah-dadah berbahaya jenis methamphetamine dan amphetamine ke dalam badannya sendiri;

D (e) Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil lima suspek yang lain yang telah diarahkan untuk menjalani ujian saringan air kencing bersama-sama perayu pada masa yang sama. Ini telah menyebabkan wujud lompang serta putus rantaian keterangan kes pihak pendakwaan;

E (f) Tuan Majistret telah khilaf apabila gagal untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada keterangan kes pihak pembelaan; dan

F (g) Tuan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang apabila gagal menimbangkan sebahagian pembelaan perayu terutama terhadap percakapan yang telah diberikan oleh perayu dan sebaliknya telah membuat komen yang memudaratkan (adverse comment) terhadap perayu dengan mengatakan pembelaan perayu sebagai satu afterthought.

G **[6]** Seksyen 15(1)(a) ADB berbunyi:

15. Self administration

(1) Any person who:

H (a) consumes, administers to himself or suffers any other person, contrary to section 14 to administer to him any dangerous drug specified in Parts III and IV of the First Schedule; or

I (b) ...

shall be guilty of an offence against this Act and shall be liable on conviction to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years.

[7] Dalam kes ini, perayu adalah seorang pegawai dengan pasukan Polis Diraja Malaysia ("PDRM") bersama-sama dengan lima lagi pegawai PDRM telah diminta oleh pegawai atasan PDRM untuk menjalani ujian saringan air kencing di bawah s. 31A(1A) ADB. Perayu tidak pernah ditangkap pada sebarang masa sebelum pemeriksaan dan ujian tersebut dijalankan. Peguambela berhujah di bawah s. 31A(1A) ADB hanya seseorang yang telah ditangkap (an arrested person) boleh dikehendaki oleh mana-mana pegawai polis tidak kurang dari berpangkat sarjan untuk memberikan sampel air kencing bagi tujuan pemeriksaan oleh pegawai perubatan untuk mengesan kehadiran dadah berbahaya. Oleh kerana perayu bukanlah seorang yang telah ditangkap maka hujahan peruntukan s. 31A(1A) ADB telah gagal dipatuhi. Oleh itu anggapan bahawa perayu telah memasukkan dadah berbahaya ke dalam badannya sendiri di bawah s. 37(k) ADB adalah tidak terpakai terhadap perayu. Peguambela berpegang kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Mahathir Muhammad* [2013] 2 CLJ 50; [2013] 1 MLJ 50.

[8] Seksyen 31A(1A) ADB memperuntukkan:

> (1A) For the purpose of preservation of evidence, it shall be lawful for a police officer not below the rank of sergeant or an officer of customs to require an arrested person to provide a specimen of his urine for the purposes of an examination under subsection (1) if it is not practicable for the medical officer or the person who is acting in aid of or on the direction of a medical officer to obtain the specimen of the urine within a reasonable period.

manakala s. 37(k) ADB berbunyi:

> 37. In all proceedings under this Act or any regulation made thereunder:
>
> (k) if a person is charged for an offence of consuming a dangerous drug or administering a dangerous drug to himself or suffering any other person to administer a dangerous drug to him, and any dangerous drug is found in the urine of the person charged as a result of a urine test conducted under section 31A, the person shall be presumed, until the contrary is proved, to have consumed the drug or to have administered the drug to himself or to have suffered any other person to administer the drug to him in contravention of this Act or its regulations.

[9] Berbalik kepada hujahan peguambela terpelajar atas isu di (a), mahkamah ini berpandangan bahawa hujahan peguambela terpelajar tersebut tidak berasas dan tidak dapat diterima. Pertamanya, sekiranya dilihat keadaan fakta dalam kes terhadap perayu, beliau bersama lima rakan sekerja telah diarahkan oleh pegawai atasan untuk memberikan sampel air kencing mereka untuk ujian saringan. Kejadian tersebut berlaku di bilik taklimat Kem Komandan Pulapol, satu kawasan terhad dan terlindung. Semasa kejadian, seorang anggota polis sentiasa mengawal (escort) perayu untuk memberikan sampel air kencingnya. Bolehkah perayu dan lima rakan beliau mengingkari perintah pegawai atasan dan beredar dari tempat tersebut? Pastinya perayu tidak akan bebas untuk meninggalkan bilik taklimat tersebut dan mengingkari perintah sah pegawai atasan beliau. Dalam keadaan pergerakan perayu adalah terhad, maka mahkamah ini berpandangan bahawa perayu sebenarnya secara konstruktif perayu adalah seorang yang dalam keadaan telah ditangkap walaupun tidak secara fizikalnya ditangkap dan digari. Keduanya, mahkamah ini percaya bahawa prinsip undang-undang mantap menyatakan bahawa sesuatu mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan seseorang dan mengambil cognisance sesuatu kesalahan yang berlaku tanpa menghiraukan bagaimana orang itu telah berada di bawah bidang kuasa mahkamah itu. Lagi pun, s. 31A(1A) ADB adalah merupakan satu peruntukan berkaitan dengan prosedur atau satu empowering provision berbanding dengan peruntukan s. 15(1)(a) yang merupakan peruntukan berbentuk substantif. Adalah dapatan mahkamah ini bahawa kegagalan mematuhi s. 31A(1A) ADB tidak langsung memudaratkan kes pihak pendakwaan terhadap perayu dalam kes ini. (Lihat *Kuruma v. R* [1955] AC 197 dan S*aminathan v. PP* [1936] 1 LNS 65; [1937] MLJ 39).

[10] Mahkamah ini juga berpandangan bahawa tafsiran yang dibuat oleh peguambela mengenai peruntukan s. 31A(1A) ADB membawa maksud bahawa perayu hendaklah terlebih dahulu ditangkap adalah satu tafsiran secara sempit. Sekiranya niat Parlimen menghendaki tafsiran seperti dihujahkan oleh peguambela terpelajar, tentunya peruntukan di bawah seksyen-kecil tersebut akan menyatakan dengan terang bahawa orang itu hendaklah ditangkap terlebih dahulu sebelum contoh air kencingnya boleh diperolehi untuk pemeriksaan. Pada pandangan mahkamah ini peruntukan tersebut hendaklah diberi tafsiran yang lebih meluas dengan membawa maksud orang yang ditangkap meliputi orang yang ditangkap selepas ujian saringan mendapati air kencing orang itu positif mengandungi dadah berbahaya sepertimana yang berlaku

terhadap perayu dalam kes ini. Apa yang jelas ialah bahawa perayu telah ditangkap sebelum air kencingnya diperiksa dan disahkan (confirmed) secara konklusif oleh pegawai sains sebagai mengandungi dadah berbahaya.

[11] Dalam kes *Mahathir Muhammad (supra)* yang dirujuk oleh peguambela terpelajar, Mahkamah Rayuan mengesahkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Seremban dalam membebaskan tertuduh dalam kes tersebut atas alasan yang berlainan dan bukan atas alasan bahawa tertuduh itu tidak ditangkap sebelum contoh air kencingnya diperiksa dan disahkan mengandungi dadah berbahaya. Sebaliknya, Mahkamah Rayuan telah mengesahkan pembebasan tertuduh dalam kes itu atas alasan bahawa rayuan pihak pendakwaan sebagai tidak kompeten oleh kerana rayuan pihak pendakwaan gagal mematuhi s. 50(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) yang memperuntukkan bahawa rayuan yang berasal dari Mahkamah Majistret ke Mahkamah Rayuan hendaklah hanya semata-mata terhadap isu berkaitan dengan persoalan undang-undang sahaja. Mahkamah Rayuan langsung tidak mengulas lanjut tentang isu tangkapan di dalam kes tersebut. Oleh kerana *ratio decidendi* dalam kes tersebut tidak berasas kepada isu tangkapan, dengan hormatnya saya berpandangan keputusan tersebut tidak mengikat mahkamah ini dalam membuat keputusan dalam kes terhadap perayu di sini. Begitu juga keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Seremban yang tidak dipersetujui oleh mahkamah ini, dengan hormatnya juga tidak mengikat mahkamah ini.

[12] Puan Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar telah merujuk kepada kes *PP v. Mohamad Rasid Jusoh* [2009] 9 CLJ 557 yang diputuskan oleh Ravinthran Paramaguru JC (ketika itu) di mana Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana telah membuat keputusan bahawa s. 31A(1A) ADB telah dipenuhi oleh pihak pendakwaan dan mengenepikan perintah pembebasan yang dibuat oleh Tuan Majistret dalam kes itu. Setelah meneliti penghakiman Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana, isu yang timbul di dalam kes itu adalah mengenai isu berkaitan dengan pemeriksaan sampel air kencing oleh pegawai perubatan. Kes itu langsung tidak menyentuh mengenai isu tangkapan walaupun fakta kes itu serupa dengan kes di hadapan mahkamah ini sekarang. Di dalam kes itu tertuduh seorang pegawai Angkatan Tentera Malaysia telah diarahkan oleh pegawai atasannya untuk menjalani ujian air kencing. Walau bagaimanapun, mahkamah ini bersetuju dengan keputusan Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana atas isu yang berkaitan di dalam kes itu.

[13] Oleh kerana mahkamah ini mendapati bahawa perayu di dalam kes ini telah secara tersirat sebagai orang yang telah ditangkap sebelum contoh air kencing beliau diambil untuk tujuan pemeriksaan dan bahawa jika sekiranya pun perayu perlu ditangkap secara fizikal sebelum prosedur ujian air kencingnya dijalankan, namun kegagalan itu sekali pun tidak menggugat kes pihak pendakwaan. Oleh itu, anggapan di bawah s. 37(k) ADB boleh terpakai terhadap perayu dalam kes ini, jika tiada sebab yang lain, selain dari isu tangkapan perayu tersebut. Dengan itu juga isu di (d) yang dihujahkan oleh peguambela terpelajar adalah menjadi tidak berkaitan dan tidak berasas.

[14] Isu di (b) dan (c) akan dibincangkan kemudian. Sekarang saya beralih kepada isu di (e). Peguambela terpelajar berhujah wujud lompang dan putus rantaian keterangan kes pihak pendakwaan atas kegagalan untuk memanggil lima suspek lain yang diarahkan menjalani pemeriksaan air kencing pada masa yang sama. Peguambela berhujah anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai atas kegagalan tersebut. Sebelum anggapan tersebut terpakai dan sebelum hujahan peguambela terpelajar dapat diterima, dua pra-syarat hendaklah dipatuhi. Pertama, hendaklah ditunjukkan bahawa wujud unsur-unsur withholding or suppression of evidence, dan keduanya, bahawa saksi tersebut adalah saksi yang penting dalam membentangkan naratif kes pihak pendakwaan (lihat *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492 dan *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649).

[15] Rekod rayuan menunjukkan bahawa perayu adalah orang yang pertama masuk ke tandas untuk kencing dalam dua botol yang dibekalkan. Perayu juga orang pertama yang telah membawa botol-botol tersebut dan meletakkannya atas meja untuk ujian saringan dan perayu juga yang meletakkan label pada botol-botol itu dengan label nama beliau. Perayu tidak menafikan botol-botol tersebut mengandungi air kencing beliau yang sebenarnya. Satu botol air kencing perayu terus diuji dan didapati positif dan satu botol lagi telah dimeterai dan disimpan selamat dalam peti ais sebelum dihantar untuk ujian pengesahan oleh pegawai perubatan atau ahli kimia. Setiap masa pengambilan sampel air kencing, pelabelan dan serahan sampel air kencing tersebut, perayu telah dikawal oleh seorang anggota polis. Keterangan saksi-saksi pendakwaan tidak menunjukkan terdapat lompang atau terdapat sebarang terputusnya rantaian keterangan kes pendakwaan terhadap barang kes. Pihak pendakwaan telah memanggil kesemua

saksi-saksi yang penting dalam kes terhadap perayu dan berjaya membentangkan naratif kes pendakwaan melalui keterangan lapan orang saksi tersebut. Manakala lima suspek yang lain tidak menjadi sebahagian naratif kes pendakwaan dan mereka bukanlah saksi-saksi yang penting yang dapat membentangkan naratif kes pendakwaan terhadap perayu dalam kes ini. Oleh itu mahkamah ini mendapati hujahan peguambela terpelajar atas isu di (e) adalah tidak berasas dan tidak dapat diterima. Kes-kes *Sia Pang Liong v. PP* [2012] 9 CLJ 848, *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1 dan *Abdul Jalil Abdul Satar v. PP* [1991] 2 CLJ 1089; [1991] 1 CLJ (Rep) 1; [1991] 2 MLJ 194 yang dirujuk oleh peguambela terpelajar dapat dibezakan dari segi faktanya walaupun prinsip-prinsip undang-undang dalam kes-kes tersebut adalah relevan dan terpakai dalam semua kes.

[16] Dalam kes *Munusamy (supra)*, Mohamad Azmi SCJ (ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> It is essential to appreciate the scope of section 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non-production of not just any witness but as important and material witness to the case.

[17] Seterusnya, Augustine Paul J dalam kes *Chia Leong Foo (supra)* pula menyatakan:

> In a criminal case, the prosecution, provided there is no wrong motive, has a discretion whether or not to call a particular witness, and specifically has a discretion not to call in support of its case a witness whom it does not believe to be a witness of truth. But there is an obligation on the prosecution to call witnesses persons whose evidence is essential to unfold the narrative upon which its case is based. On the facts and circumstances of the instant case, the prosecution had led sufficient evidence to unfold the narrative of its case. Therefore, for the purposes of establishing a *prima facie* case, the failure to call Yee Chin Koon as a witness or make him available to the defence was not fatal.

[18] Isu-isu di (f) dan (g) mengenai dakwaan kekhilafan yang telah dilakukan oleh Tuan Majistret, peguambela terpelajar berhujah Tuan Majistret gagal memberikan alasan mengapa beliau mendapati pembelaan perayu sebagai satu pemikiran terkemudian sekaligus

menolak pembelaan perayu. Peguambela juga berhujah Tuan Majistret gagal memberikan pertimbangan wajar kepada kenyataan perayu kepada pegawai penyiasat dan juga di dalam percakapan beramaran di eks. D15 di mana perayu menyatakan bahawa beliau tidak ada mengambil sebarang dadah berbahaya. Kegagalan Tuan Majistret itu dikatakan sebagai satu salah arahan yang terjumlah kepada ketidakarahan dan keputusan Tuan Majistret wajar diganggu oleh mahkamah ini. Peguambela telah merujuk kepada autoriti-autoriti berikut:

(i) *Ganapathy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1;

(ii) *Alcontara Ambross Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705; [1996] 1 MLJ 209;

(iii) *Rasahiman Rasul lwn. PP* [2011] 6 CLJ 743; dan

(iv) *Hairie Mahthinem v. PP* [2011] 8 CLJ 625.

[19] Adakah benar seperti dakwaan peguambela terpelajar bahawa Tuan Majistret telah gagal memberi pertimbangan sewajarnya terhadap kes pihak pembelaan? Untuk itu mahkamah ini telah meneliti penghakiman yang disediakan oleh Tuan Majistret terutama di ms. 23 hingga ms. 25 rekod rayuan. Selepas merujuk kepada penghakiman Suffian J dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263, Tuan Majistret membuat dapatan seperti berikut:

> Mahkamah telah meneliti keterangan OKT. Secara kesimpulannya, OKT telah membangkitkan pembelaan-pembelaan bahawa OKT menafikan botol urine tersebut miliknya kerana terdapat kemungkinan botol urinenya telah bercampur aduk dengan botol urine kepunyaan anggota polis yang lain. Atas isu ini, saya mendapati tiada keraguan dapat ditimbulkan kerana berdasarkan keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan dan OKT sendiri, ada menyatakan bahawa OKT orang yang pertama dibuat ujian saringan dan juga orang yang pertama sampai ke meja penguji di mana botol terus dibuat ujian, dilabel dan diseal. Berkenaan dengan pembelaan OKT bahawa botolnya tidak dilabel sebelum urine diambil, saya mendapati bahawa proses melabel dilakukan hanya selepas OKT sendiri membuang urine ke dalam botol dengan disaksikan dan dieskort oleh anggota sehingga ke meja penguji.

OKT juga menafikan yang beliau ada mengambil sebarang dadah sejurus selepas diberitahu bahawa urinenya positif dadah. Beliau telah memberitahu kepada Sarjan akan perkara itu dan telah memberikan statement kepada pihak Polis. Saya mendapati ini adalah pembelaan penafian semata-mata dan tidak ada keterangan lain untuk menyokong pernyataan ini.

Saya mendapati bahawa banyak keterangan OKT yang menyokong keterangan saksi-saksi pendakwaan. Antaranya, OKT mengesahkan yang memang terdapat anggota yang memerhatikan beliau kencing semasa dalam tandas. OKT juga mengesahkan yang beliau sendiri membawa botol tersebut ke meja penguji. OKT juga mengesahkan bahawa terdapat seorang Sarjan yang menjalankan ujian ke atas urine OKT dengan menggunakan test strip. OKT juga nampak botol urinenya selepas dia meletakkan di atas meja.

[20] Jelas daripada penghakiman tersebut di atas, Tuan Majistret telah membuat pertimbangan setiap pembelaan dan keterangan membela diri yang dikemukakan oleh perayu. Tuan Majistret juga telah memberikan alasan mengapa beliau mendapati pembelaan perayu hanya merupakan satu penafian semata-mata. Setelah meneliti rekod rayuan, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan Tuan Majistret tersebut. Perayu tidak memberikan penjelasan lanjut atau sebarang butir-butir bagi menyokong penafian beliau selain hanya menafikan bahawa dia ada mengambil dadah sedangkan sampel air kencing beliau menunjukkan positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine. Dakwaan peguambela terpelajar bahawa Tuan Majistret telah melabelkan pembelaan perayu sebagai satu afterthought adalah jauh tersasar. Setelah membaca penghakiman oleh Tuan Majistret, mahkamah ini tidak ada mendapati bahawa Tuan Majistret telah melabelkan pembelaan perayu sebagai satu yang afterthought. Sebaliknya Tuan Majistret hanya mendapati bahawa pembelaan perayu adalah satu penafian semata-mata (mere denial) dan bukanlah satu afterthought. Peguambela terpelajar juga berhujah bahawa Tuan Majistret khilaf kerana telah membuat adverse comment terhadap pembelaan perayu. Dalam keadaan pembelaan perayu berbentuk penafian semata-mata, hakim bicara kena membuat adverse comment terhadap pembelaan seseorang tertuduh oleh kerana untuk menjustifikasikan mengapa hakim bicara itu mendapati pembelaan tertuduh itu sebagai satu penafian semata-mata. Tuan Majistret tidak khilaf dalam dapatan beliau dalam membuat adverse comment terhadap pembelaan dan keterangan perayu dalam kes ini.

[21] Seterusnya di ms. 25 rekod rayuan, Tuan Majistret telah membuat kesimpulan seperti berikut:

> Kesimpulannya, Mahkamah tidak menerima penjelasan yang dikemukakan oleh OKT yang merupakan penafian am semata-mata dan OKT telah gagal untuk mematahkan anggapan di bawah seksyen 37(k) tersebut. OKT telah gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah 'as to his guilt' dan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap OKT. Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati OKT bersalah terhadap pertuduhan.

[22] Oleh itu mahkamah ini mendapati alasan-alasan di (a), (d), (e), (f) dan (g) yang dimajukan oleh peguambela terpelajar adalah tidak bermerit dan tidak dapat diterima untuk membebaskan perayu.

[23] Sekarang saya melihat kepada alasan di (b) dan (c) yang pada pandangan mahkamah ini mempunyai merit dalam rayuan perayu. Mengenai alasan di (b), peguambela terpelajar berhujah bahawa laporan ujian pengesanan dadah dalam air kencing (P12) tidak boleh diterima oleh kerana ujian tersebut dan pembuat laporan P12 tersebut bukanlah seorang ahli kimia kerajaan seperti dikehendaki di bawah undang-undang tetapi hanyalah seorang pegawai sains. Oleh itu Tuan Majistret khilaf apabila menerima laporan P12 tersebut. Peguambela berpegang kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Zulkifli Md Rodzi v. PP* [2013] 4 CLJ 250; [2013] 3 MLJ 745.

[24] Seksyen 31A(1) ADB memperuntukkan bahawa ujian pengesanan dadah dalam air kencing hendaklah dilakukan oleh seorang "... medical officer acting at the request of any police officer not below the rank of sergeant, or any other officer in charge of a police station, or any officer of customs, and for any person acting in aid of a medical officer and under his direction, to make such an examinations ...". Manakala di bawah s. 31A(2) ADB memberi maksud "medical officer" termasuklah "any person employed by the Government or a statutory authority as a medical officer or as a chemist". Dari peruntukan-peruntukan tersebut menunjukkan orang yang berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan atau pengesanan dadah dalam air kencing orang yang ditangkap adalah seorang pengawai perubatan atau seorang ahli kimia yang berkhidmat sama ada dengan pihak Kerajaan Malaysia atau dengan pihak berkuasa berkanun.

[25] Dalam kes terhadap perayu, orang yang membuat pemeriksaan dan menjalankan ujian pengesanan dadah dalam air kencing perayu adalah Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi, pegawai sains (ahli kimia hayat), Makmal Dadah dan Penyelidikan, Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur ("HKL"). Tidak dipertikaikan HKL adalah sebuah agensi di bawah Kerajaan Malaysia dan pengkhidmat HKL adalah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia. Persoalannya adalah adakah Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi seorang pegawai perubatan atau seorang ahli kimia atau pun seorang yang bertindak membantu seorang pegawai perubatan atau seorang ahli kimia serta melakukan kerja pemeriksaan dan penganalisaan di bawah pengawasan seorang pegawai perubatan atau seorang ahli kimia. Setelah meneliti P12 seadanya menunjukkan Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi bukanlah seorang pegawai perubatan, bukan juga seorang ahli kimia serta tidak juga menunjukkan bahawa beliau telah bertindak sebagai membantu dan diawasi oleh sama ada oleh seorang pegawai perubatan atau pun oleh seorang ahli kimia. Oleh yang demikian dengan hanya berpandukan kepada P12, mahkamah ini berpuas hati bahawa Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi bukanlah seorang yang berkelayakan bagi maksud s. 31A ADB. Oleh itu laporan P12 yang disediakan oleh penama tersebut tidak boleh diterima di bawah s. 399(1) KTJ oleh kerana penama tidak tergolong di bawah orang-orang di bawah s. 399(2) KTJ.

[26] Puan Timbalan Pendakwa Raya terpelajar berhujah bahawa laporan P12 wajar diterima oleh mahkamah oleh kerana laporan tersebut telah diserahkan kepada perayu dan perayu atau peguambela perayu tidak pernah menyerahkan notis di bawah proviso kepada s. 399(1) KTJ untuk menyoal balas pembuat dokumen P12 tersebut. Beban pembuktian sepanjang masa adalah atas bahu pendakwaan untuk membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Perayu tidak memikul sebarang beban pembuktian dalam kes ini selain evidential burden untuk menimbulkan keraguan munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan. Selain itu perayu memikul beban atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan di bawah s. 37(k) ADB yang diguna pakai oleh Tuan Majistret apabila memanggil perayu untuk membela diri. Oleh kerana jelas laporan P12 seadanya tidak boleh diterima, maka adalah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan untuk memanggil Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi ke mahkamah untuk memberi keterangan dan penjelasan sama ada beliau melakukan

A tugas di bawah s. 31A ADB tersebut sebagai membantu dan diawasi oleh seorang pegawai perubatan atau seorang ahli kimia. Ini telah gagal dilakukan oleh pihak pendakwaan. Apa perlunya perayu atau peguambela perayu membantah terhadap P12 dan tidak perlu memberikan notis dalam keadaan terdapat kecacatan B terhadap penerimaan masuk P12 itu sendiri. Bukan tugas pihak pembelaan untuk menutup kelompangan yang terdapat dalam kes pihak pendakwaan (lihat *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19; [1985] 2 MLJ 16).

C **[27]** Dalam kes *Zulkifli Md Rodzi (supra)* yang dirujuk oleh peguambela terpelajar, Mahkamah Rayuan telah memutuskan menolak keterangan dan laporan kimia P13 yang disediakan oleh Puan Mawarni binti Abdul Rahman (SP5), seorang pegawai sains yang bertugas dengan Jabatan Kimia Malaysia. Dengan hormatnya, D mahkamah ini berpandangan bahawa keputusan Mahkamah Rayuan tersebut kurang tepat. Bagi pegawai sains yang berkhidmat dengan Jabatan Kimia Malaysia, Menteri dengan kuasa yang diberikan di bawah s. 399(2)(f) KTJ telah mewartakan pegawai sains yang berkhidmat dengan Jabatan Kimia Malaysia sebagai orang yang E berkelayakan dan diberi kuasa di bawah s. 399 KTJ untuk menganalisa dadah berbahaya dan mengemukakan laporannya. Seksyen 399(2)(f) KTJ menyatakan:

> (f) any person or class of persons to whom the Minister by notification in the Gazette declares that the provisions of this F section shall apply.

[28] Bagi pegawai sains yang berkhidmat dengan Jabatan Kimia Malaysia, Menteri telah membuat perisytiharan di bawah s. 399(2) KTJ melalui Warta P.U. (B) 324 bertarikh 26 Ogos 2004 bahawa G pegawai sains yang berkhidmat secara tetap dengan Jabatan Kimia Malaysia diisytiharkan sebagai suatu kelas orang yang kepadanya peruntukan dalam s. 399 KTJ hendaklah terpakai. Pemberitahuan perisytiharan tersebut seperti diperturunkan di bawah:

H **P.U. (B) 324**

KANUN TATACARA JENAYAH

Pemberitahuan Perisytiharan di Bawah Subseksyen 399(2)

I PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 399(2)(f) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], Menteri mengisytiharkan bahawa Pegawai Sains yang berkhidmat di Jabatan Kimia, Malaysia dan yang menyediakan laporan mengenai mana-mana

orang, perkara atau benda yang dirujuk kepada Jabatan itu untuk pemeriksaan atau penganalisisan, ialah suatu kelas orang yang kepadanya peruntukan dalam seksyen 399 Kanun Tatacara Jenayah hendaklah terpakai.

(2) Perisytiharan di bawah perenggan (1) hendaklah terpakai kepada Pegawai Sains bagi tempoh yang mereka tetap berkhidmat di Jabatan Kimia, Malaysia.

Bertarikh 3 Ogos 2004
[KSTAS. 260.010/A002B Jil. 3; PN(PU2)224/III]

DATO' MOHD. RADZI SHEIKH AHMAD
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

[29] Pegawai sains yang berkhidmat dengan HKL seperti Encik Muhammad Nubli Mohd Shuhaimi dalam kes terhadap perayu di sini tidak tergolong atau tertakluk di bawah pemakaian P.U.(B) 324 tersebut di atas. Oleh yang demikian beliau bukanlah seorang atau dalam satu kelas orang yang berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan atau penganalisisan dan menyediakan laporan bagi maksud s. 399 KTJ. Oleh itu laporan P12 tidak boleh diterima masuk dan Tuan Majistret telah khilaf apabila bergantung kepada P12 dalam membuat keputusan menyabitkan perayu atas pertuduhan.

[30] Sekarang mengenai alasan di (c). Hujahan peguambela terpelajar bahawa P12 tidak boleh diterima oleh kerana ianya tidak memadai, tidak tepat, tidak cukup dan meragukan sebagai bukti dadah yang diperakukan oleh pegawai sains tersebut sebagai dadah berbahaya di bawah ADB. Tidak dibuktikan dengan tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa perayu telah memasukkan dadah ke dalam badannya sendiri dadah berbahaya yang tersenarai di bawah Part III dan Part IV kepada Jadual Pertama di bawah ADB yang merupakan satu elemen utama dalam pertuduhan. Peguambela berhujah P12 hanya menyatakan "Keputusan Ujian: ADA mengandungi AMPHETAMINE dan ADA mengandungi METHAMPHETAMINE" tetapi tidak menyatakan amphetamine dan methamphetamine tersebut adalah dadah berbahaya tersenarai dalam Part III dan Part IV Jadual Pertama ADB. Dihujahkan keraguan timbul oleh kerana amphetamine dan methamphetamine turut tersenarai di bawah Akta Racun 1952 Akta 366. Peguambela merujuk mahkamah ini kepada keputusan dalam

A kes-kes *Loo Keck Leong v. PP* [1992] 3 CLJ 1332; [1992] 1 CLJ (Rep) 195; [1992] 2 MLJ 177; *Shukri Mohamad v. PP* [1995] 3 CLJ 799; [1995] 3 MLJ 229 dan *Ho Kiat Swee v. Rex* [1946] 1 LNS 6; [1947] 13 MLJ 159 untuk menyokong hujahan beliau atas isu ini.

B

[31] Walaupun tiga kes yang dirujuk oleh peguambela melibatkan fakta yang agak berbeza namun prinsip yang sama terpakai dalam kes terhadap perayu dalam kes ini. Prinsip yang diputuskan dalam kes-kes tersebut adalah bahawa ahli kimia hendaklah menyatakan
C dengan tepat bahan dadah berbahaya tersebut seperti diperuntukkan di bawah undang-undang. Dalam kes terhadap perayu, keraguan timbul apabila P12 gagal menyatakan amphetamine dan methamphetamine sebagai dadah berbahaya seperti disenaraikan di bawah ADB. Munafaat keraguan hendaklah sentiasa diberikan
D kepada seseorang tertuduh, perayu dalam dalam kes ini.

[32] Atas alasan-alasan yang dihuraikan di atas, saya mendapati terdapat merit dalam rayuan perayu terhadap sabitan berkaitan dengan alasan di (b) dan (c). Sabitan terhadap perayu oleh Tuan
E Majistret adalah tidak selamat dan wajar diketepikan. Oleh itu rayuan perayu dibenarkan. Sabitan dan hukuman denda RM5,000 jika gagal enam bulan penjara serta perintah di bawah s. 38B ADB hendaklah diketepikan. Denda RM5,000 yang dikenakan, jika telah dibayar, hendaklah dikembalikan kepada perayu.

F

G

H

I